

Rabu, 24 Julai 2019 | 9:24pm



Pengarah KPDNHEP Sabah, George Abas (kiri) pamer gula-gula 'Ghost Smoke' yang dirampas dalam pemeriksaan di Petagas. - NSTP/Ihsan KPDNHEP

## KPDNHEP Sabah rampas 224 gula-gula 'Ghost Smoke'

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thadius@bh.com.myPix ihsan KPDNHEP

**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah merampas 224 gula-gula 'Ghost Smoke' bernilai RM122 dalam pemeriksaan di sebuah premis di Petagas, Putatan, hari ini.

Pengarahnya, George Abas, berkata siasatan mendapati premis berkenaan mendapat bekalan gula-gula itu daripada pemborong di ibu negeri, manakala pembekal utamanya dari Semenanjung.

"Sejak operasi bermula di seluruh negeri semalam, sebanyak 125 premis diperiksa dan ini premis pertama didapati ada menjual gula-gula berkenaan.

"Pemeriksaan akan diteruskan oleh pegawai KPDNHEP di seluruh negeri dan meminta kerjasama pengguna untuk menyalurkan maklumat berkaitan kepada pihak kami menerusi saluran disediakan atau berhubung terus dengan Pejabat Cawangan KPDNHEP terdekat," katanya dalam kenyataan, di sini, malam ini.



Beliau berkata, siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan 2011.

Katanya, KPDNHEP menyediakan sembilan saluran aduan atau pertanyaan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan atau pertanyaan kepada agensi berkenaan, termasuk portal e-aduan KPDNHEP iaitu [eaduan.kpdnhep.gov.my](http://eaduan.kpdnhep.gov.my), pusat panggilan 1-800-886-800 dan WhatsApp di nombor 019-2794317.

Gula-gula Ghost Smoke yang seolah-olah mengeluarkan asap seperti rokok apabila dimakan, viral dalam laman sosial dan menimbulkan kebimbangan ibu bapa terutama apabila ia membabitkan murid sekolah.

